

# YSS teruskan Misi Tuisyen ke Batang Lupar

KUALA LUMPUR 1 Dis. - Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) meneruskan Misi Tuisyen anjurannya ke daerah Batang Lupar selepas kejayaan program yang dilaksanakan di Kampung Gita Lama dan Kampung Gita Baru, Petra Jaya, Sarawak.

Pengerusinya, Datuk Zuraidah Atan berkata, program yang berlangsung selama dua minggu bermula 23 November lalu itu akan memberi penekanan kepada mata pelajaran Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, khidmat kaunseling, kesedaran kesihatan dan kebersihan kepada pelajar sekolah serta masyarakat di sekitar Kampung Beladin.

“Pelaksanaan misi ke Batang Lupar ini diharap dapat memberi manfaat kepada penduduk Kampung Beladin dan sekitarnya terutama dalam mewujudkan landasan hubungan antara siswa dengan komuniti yang lebih cekap, prihatin serta dinamik.

“Saya yakin kejayaan misi ini sekali gus akan menjadikan model program yang akan diperluas ke kawasan komuniti lain di Sarawak agar masyarakat dan universiti mempunyai hubungan akrab,” katanya dalam kenyataannya di sini hari ini.

Majlis perasmian Misi Tuisyen YSS ke Batang Lupar itu disempurnakan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim.

Menurut Zuraidah, misi kali ini



**ROHANI Abdul Karim (belakang, tengah) bersama pasukan Yayasan Sukarelawan Siswa dalam Majlis perasmian Misi Tuisyen YSS ke Batang Lupar, Sarawak, semalam.**

disertai 13 sukarelawan yang terdiri daripada penuntut Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Malaya (UM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Malaysia Sarawak (UniMas), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Tek-

nologi Mara (UiTM), Universiti Malaysia Sabah, Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Bahasa Antarabangsa dan Batu Lintang serta Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Mengulas lanjut, Zuraidah ber-

kata, program itu juga berupaya memupuk khidmat bakti dalam kalangan para siswazah untuk menyumbang kepada komuniti dan meningkatkan imej IPT dalam kalangan masyarakat setempat.

“Sehubungan itu, saya ingin me-

ningatkan kesemua sukarelawan agar sentiasa mengamalkan nilai bersatu padu dengan penduduk kampung, memahami cara hidup mereka sambil menolong untuk mengajar anak-anak golongan tersebut,” katanya.